

KEKANGAN PENGURUSAN SEKOLAH KURANG MURID SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DI NEGERI PERAK.

LIER GIEW LEONG

DISERTASI DIKEMUKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)

FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI,
JABATAN PENGURUSAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS.

2007



PENGHARGAAN

Penghargaan setinggi-tingginya dirakamkan khas untuk penyelia penulisan ini yang dihormati Dr Khuan Wai Bing atas bimbingan, nasihat, kerjasama dan komitmen yang ditunjukkan oleh beliau dalam menolong saya dari peringkat permulaan awal menjalankan kajian sehingga laporan kajian ini disiapkan, kesemua usaha ini amat saya hargai.

Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada pegawai-pegawai di Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Pendidikan (EPRD) Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri Perak yang telah memberi kebenaran dan kerjasama kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah kurang murid SJK(C) Negeri Perak.

Penghargaan juga diberikan kepada semua Guru Besar sekolah kurang murid SJK(C) di Negeri Perak yang terlibat dalam kajian ini, individu-individu yang membantu secara langsung dan secara tidak langsung.

Saya juga menyanjung tinggi segala budi dan jasa isteri dan anak-anak yang sentiasa memberi dorongan dan galakan kepada saya sepanjang proses menjalankan kajian dan penyediaan laporan ini.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kekangan pengurusan sekolah kurang murid di sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Negeri Perak. Kajian ini adalah bertumpu kepada kekangan fizikal, tanggungjawab, emosi dan psikologi ke atas pengurusan sekolah kurang murid.

Seramai 65 orang Guru Besar daripada 74 buah sekolah kurang murid SJK(C) di Negeri Perak. telah memberi respon terhadap kajian ini. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi 54 item yang dibahagi kepada empat bahagian, iaitu bahagian A mempunyai 14 item mengenai maklumat sekolah, bahagian B mempunyai 6 item mengenai maklumat fizikal sekolah, bahagian C mempunyai 12 item mengenai maklumat kekangan tanggungjawab, dan bahagian D mempunyai 22 item yang mengukur keletihan emosi, depersonalisasi dan pencapaian responden.

Hasil dapatan kajian ialah pengurus-pengurus SKM SJK(C) di Negeri Perak menghadapi kekangan fizikal dan tanggungjawab semasa menjalankan tugas mereka. Manakala kekangan emosi dan psikologi yang dihadapi oleh pengurus-pengurus SKM SJK(C) di Negeri Perak adalah pada kadar rendah sahaja.

Pihak kerajaan harus mempergiatkan aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar untuk menyediakan peluang pekerjaan yang mencukupi untuk penduduk-penduduk luar bandar demi mengekalkan mereka terus bermastautin di kawasan berkenaan. Kementerian Pendidikan Malaysia harus membenarkan SKM SJK(C) berpindah ke bandar-bandar besar demi mengelakkan SKM SJK(C) ditutup.





05-4506832



pustaka.upm.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupm

iv

Kekangan fizikal SKM SJK(C) dapat diatasi dengan pihak Lembaga Pengurusan sekolah menyerah hak kepunyaan sekolah kepada Kementerian Pelajaran Malaysia atau pihak Kementerian Pelajaran Malaysia membubarkan polisi pengkategorian sekolah kepada Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan dan Sekolah Bantuan Modal.

Dari segi aktiviti pengajaran dan pembelajaran di SKM, kelas bercantum atau multigrade teaching harus diberhentikan dan norma perjawatan harus dirombak agar dapat memperbaiki taraf pencapaian akademik.

Penyelidik mencadangkan bahawa kajian-kajian yang akan dilakukan pada masa hadapan adalah baik sampel saiz dibesarkan ke semua SKM SJK(C) di seluruh negara. Kajian-kajian juga boleh dilakukan ke atas SKM Sekolah Kebangsaan, termasuk sekolah Orang Asli dan SJK(T) untuk membuat kajian perbandingan sama ada kekangan yang dihadapi adalah sama atau tidak di SJK(C).



05-4506832



pustaka.upm.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupm



v

ABSTRACT

The aim of the study is to find out the constrains face by the small Chinese Schools in Perak. The focus of the study is the constrains come in the form of physical, responsibility, emotional and psychology in small Chinese School.

There are 74 Chinese School in Perak which are consider as low enrolment. There are 65 school heads out of 74 returned the questionnaires. The questionnaires consist of 54 items which divided into 4 sections. Section A has 14 items regarding details of the school whereas section B has 16 items concerns the physical part of school. Section C consists of 12 items relating to responsibilities and section D consists of 22 items concerns the weakness in emotion, depersonalisation and



We found the management of small Chinese School in Perak faces physical and responsibilities constrains whereas the emotional and psychology constrains are low.

The government should improve the social economy by creating more job opportunities in the rural areas. In this way, the local population will remain. The Ministry of Education should approve the shifting of small Chinese School from rural to urban areas to avoid closure of these schools.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

vi

The physical constrain can be overcome by having the Board of Directors handing over the authority back to The Ministry of Education. The Ministry of Education is also urged to drop the policy of caterizing the concern schools into Fully Aided and Partially Aided.

It is hope that all multigraded classes should not exist. The allocation of post should be revamp to improve the academic achivements of the school.

It is also suggested the future research should be based on a bigger number of samples from the whole country. This research also should be done in National Schools, included Orang Asli schools and also SJK(T) to find out whether they face the same problems.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

	m.s.
Penghargaan	i
Abstrak	ii
Kandungan	iii
Senarai Jadual	vi

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	15
1.3 Objektif Kajian	16
1.4 Kepentingan Kajian	17
1.5 Batasan Kajian	18
1.6 Definisi Istilah	18
1.7 Kesimpulan	20

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	21
2.2 Sejarah Perkembangan Sekolah Kurang Murid Di Malaysia	22
2.2.1 Sebelum 1957	22
2.2.2 Selepas Kemerdekaan	23
2.2.3 Abad Ke-21	27
2.3 Sejarah Sekolah Kurang Murid SJK(C)	30
2.4 Pengurusan SJK(C)	34
2.5 Kekangan Pengurusan SKM SJK(C)	36
2.5.1 Kekangan Fizikal	36
2.5.2 Kekangan Tanggungjawab	37
2.5.3 Kekangan Emosi	38



**BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	42
3.2 Rekabentuk Kajian	42
3.3 Sampel Kajian	43
3.4 Instrumen Kajian	46
3.5 Kajian Rintis	50
3.6 Pengumpulan Data	51
3.7 Kerangka Kajian	51
3.8 Analisis Data	52

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	54
4.2 Latar Belakang	
4.2.1 Latar Belakang Sekolah Responden	55
4.2.2 Latar Belakang Responden	58
4.3 Kekangan Fizikal	61
4.4 Kekangan Tanggungjawab	66
4.5 Kekangan Emosi	67
4.6 Kekangan Psikologi	68
4.7 Dapatan Perbualan Melalui Telefon	70

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	73
5.2 Perbincanga	
5.2.1 Kekangan Fizikal Dan Pengurusan Di SKM	73
5.2.2 Kekangan Tanggungjawab	83
5.2.3 Kekangan Emosi Pengurus SKM SJK(C)	87
5.2.4 Kekangan Psikologi Pengurus SKM SJK(C)	89





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ix

5.3	Rumusan	90
5.4	Cadangan	91
5.5	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	96
BIBLIOGRAFI		
LAMPIRAN		



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

Bilangan	Tajuk	M.S.
Jadual 1.1 :	Bilangan Sekolah Yang Murid Kurang Daripada 150 Dari Semua Aliran Sekolah Pada 31-01-2002	2
Jadual 1.2 :	Keadaan Infrastruktur dan Banguna Sekolah Cina (SKM dan Bukan SKM) Sehingga 31-10-2005	6
Jadual 1.3 :	Kadar Bantuan Per Kapital	8
Jadual 1.4 :	Kadar Peruntukan Baru (2007) Untuk SKM	9
Jadual 1.5 :	Perbandingan Nisbah Murid- Guru	10
Jadual 1.6 :	Bilangan Kelas Dan Perjawatan Guru Bagi SKM	10
Jadual 1.7 :	Perjawatan Guru Bagi SKM Bilangan Murid Kurang Daripada 20 Orang	11
Jadual 1.8 :	Pencapaian UPSR 1992 di SKM	12
Jadual 1.9:	Penggredan Sekolah Rendah Mengikut Lokasi	13
Jadual 2.1 :	Bilangan SKM dan Enrolmen Murid pada Akhir Abad Kesembilan Belas	22
Jadual 2.2 :	Bilangan Sekolah Kurang Murid Mengikut Saiz Enrolmen Di Semenanjung Malaysia Pada 1971	24
Jadual 2.3 :	Bilangan dan Peratusan Sekolah Kurang Murid Mengikut Jenis Sekolah	25
Jadual 2.4 :	Peratusan SKM Mengikut Bilangan Murid Yang Terdapat Dalam Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan 2006-2010	26
Jadual 2.5 :	Penyediaan Infrastruktur Dalam RMK-9 Bagi Merapatkan Jurang Pendidikan	29
Jadual 2.6 :	Bilangan Sekolah Yang Murid Kurang Daripada 100 Orang Dari SJKC Seluruh Malaysia.	32

Bilangan	Tajuk	M.S.
Jadual 3.1 :	Senarai Nama Sekolah Sampel	44
Jadual 3.2:	Item Bagi Setiap Sub Skala Kekangan Emosi dan Psikologi	48
Jadual 3.3 :	Pilihan Kekuatan Responden	48
Jadual 3.4:	Tahap Kekangan Bagi Setiap Sub Skala Berdasarkan Peratus Skor	49
Jadual 3.5:	Tahap Kekangan Bagi Setiap Sun Skala Berdasarkan Skor Setiap Item	50
Jadual 3.6 :	Kerangka Kajian- Kekangan Pengurusan SKM SJK(C)	52
Jadual 3.7 :	Jenis-jenis Statistik Deskripsi Yang Digunakan	53
Jadual 4.1 :	Lokasi sekolah Responden	55
05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	
Jadual 4.2 :	Kategori Sekolah Responden	55
Jadual 4.3 :	Murid Bukan Cina	56
Jadual 4.4:	Sekolah Mempunyai Kelas Bercantum	56
Jadual 4.5:	Sekolah Yang Mempunyai Guru Terlatih	57
Jadual 4.6 :	Jantina Respoden	58
Jadual 4.7 :	Peringkat Umur Respoden	58
Jadual 4.8 :	Taraf Perkahwinan Respoden	59
Jadual 4.9 :	Pengalaman Dalam Jawatan	59
Jadual 4.10 :	Jarak Sekolah Dari Rumah Kediaman	60
Jadual 4.11 :	Penerimaan Anugerah Cemerlang	60
Jadual 4.12 :	Pergerakan Gaji Responden	61
Jadual 4.13 :	Bangunan Sekolah	61



Bilangan	Tajuk	M.S.
Jadual 4.14 : Bila Bangunan Sekolah Dibina		62
Jadual 4.15 : Keadaan Infrastruktur		63
Jadual 4.16 : Penyediaan Bilik Khas		64
Jadual 4.17 : Masalah Kelengkapan		65
Jadual 4.18 : Kelengkapan Asas		65
Jadual 4.19 : Kekangan Tanggungjawab		66
Jadual 4.20 : Skor Min Dan Sisihan Piaawai Aspek-Aspek Keletihan Emosi		67
Jadual 4.21 : Skor Min dan Sisihan Piaawai Aspek-Aspek Depersonalisasi Dan Pencapaian Peribadi		68
Jadual 5.1 : Bilangan SJK(C) Yang Mempunyai Murid Keturunan Cina Dan Bukan Cina Untuk Kategori Enrolmen Kurang Daripada 30 Orang Muird		82
Jadual 5.2 : SKM Yang Ditutup pada Tahun 1960-1987		92
Jadual 5.3 : Prestasi Akademik SKM		96





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sekolah Kurang Murid (SKM) ditakrifkan sebagai satu kategori sekolah yang mempunyai enrolmen 149 orang murid dan ke bawah (Pekeliling Pentadbiran bil. 3/1967 (Pindaan)). Kewujudan SKM boleh dikesan seawal tahun 1816. Antara faktor kemunculan SKM ialah penghijrahan penduduk setempat dan masalah perhubungan dan pengangkutan antara sekolah dengan kawasan tempat tinggal. Proses urbanisasi dan industrialisasi merupakan daya tarikan, dan kejatuhan harga komoditi seperti bijih timah, getah dan lain-lain merupakan daya tolakan penduduk pendalaman dan perkampungan berhijrah ke bandar-bandar besar dan kawasan-kawasan perumahan dan perindustrian baru, tempat-tempat ini mempunyai peluang pekerjaan yang banyak, kemudahan asas yang sempurna, peluang pendidikan untuk anak-anak muda juga lebih cerah.





Kebanyakan SKM terletak di kawasan pendalaman, luar bandar termasuk perkampungan-perkampungan kecil dan estet-estet getah serta kelapa sawit. Dengan peredaran masa, struktur masyarakat juga mengalami perubahan yang besar, penduduk mula berhijrah ke kawasan bandar-bandar besar, ini menyebabkan ketidakseimbangan penduduk antara penduduk bandar dengan penduduk luar bandar. Ketidakseimbangan taburan penduduk ini menyebabkan sekolah-sekolah di luar bandar menghadapi kekurangan pendaftaran murid-murid baru setiap tahun. Keadaan ini menyebabkan bilangan murid di sekolah-sekolah ini menurun dari tahun ke setahun sehingga sekolah-sekolah ini menjadi sebagai sekolah kurang murid iaitu SKM.

Jadual 1.1 : Bilangan sekolah yang murid kurang daripada 150 dari semua aliran sekolah pada 31-01-2002

	Negeri	SK		SJKC		SJKT		Pendidikan Khas		Jum.
		<150	Bil sek.	<150	Bil sek.	<150	Bil sek.	<150	Bil sek.	
1	PERAK	123	506	81	189	100	137	2	2	834
2	SELANGOR	24	379	20	102	44	98	1	1	580
3	PAHANG	109	399	33	75	32	37	1	1	512
4	KELANTAN	17	391	3	14	1	1	1	1	407
5	JOHOR	127	564	90	214	46	70	4	4	852
6	KEDAH	26	364	44	90	40	58	2	2	514
7	LABUAN	0	15	0	2	0	0	0	0	17
8	MELAKA	13	135	22	65	14	21	1	1	222
9	N.SEMBILAN	54	192	39	82	38	61	1	1	336
10	P.PINANG	4	134	21	90	13	28	3	3	255
11	PERLIS	0	55	3	10	1	1	1	1	67
12	TERENGGANU	47	308	4	10	0	0	2	2	320
13	K. LUMPUR	4	125	0	40	4	15	-	-	183





14	SABAH	402	971	-	82	0	0	2	2	1055
15	SARAWAK	597	1026	112	220	0	0	4	4	1250
	Jumlah	1547	5564	502	1285	333	527	28	28	2410
	Peratusan	27.8%		39.06%		63.19%		100%		32.55%

Sumber: BPPDP Kementerian Pendidikan , "Kajian Keberkesanan Sekolah Kurang Murid." 1993.

Berdasarkan data yang diperolehi oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada Januari 2001 , seperti yang dipaparkan di dalam jadual 1 di atas, terdapat 1547 buah daripada 5564 buah Sekolah Kebangsaan adalah sekolah kurang murid. Ini menggambarkan 27.8% daripada jumlah Sekolah Kebangsaan adalah SKM. 502 buah daripada 1285 buah SKJ(C) adalah sekolah kurang murid. Ini bermakna 39.06% daripada jumlah SJK(C) adalah SKM. Dan 333 buah daripada 527 buah SJK(T) adalah sekolah kurang murid. Ini menunjukkan sebanyak 63.19% daripada jumlah besar SJK(T) adalah SKM. Terdapat 2410 buah daripada 7404 buah sekolah rendah di seluruh negara adalah sekolah kurang murid iaitu 32.55% , lebih kurang satu per tiga daripada jumlah besar sekolah rendah merupakan sekolah kurang murid. Sekolah-sekolah kurang murid ini kebanyakannya terletak di luar bandar atau pendalaman. Bilangan SKM pada 2001 telah bertambah berbanding bilangan SKM pada 1992.

Pada pandangan umum, jika sebuah sekolah itu mempunyai bilangan murid melebihi 100 orang ke atas dan kemasukan murid baru setiap tahun adalah konsisten, maka sekolah sebegini tidak akan menghadapi masalah kekurangan enrolmen murid sehingga tertutup sekolah ini. Sebaliknya, sekolah yang hanya mempunyai bilangan murid yang kecil iaitu dua atau tiga puluh orang atau lebih sedikit lagi, dan kemasukan murid baru setiap tahun semakin berkurangan ini akan





menyebabkan enrolmen murid sekolah itu akan berkurangan dari tahun ke setahun, dan mungkin akan ditutup pada akhirnya. Ini dapat dilihat berlaku di Negeri Perak di mana SJK (C) Poi Min, Kota Baru , Gopeng telah ditutup untuk sementara pada tahun 2002, ketika itu sekolah ini hanya mempunyai 2 orang murid sahaja. Terdapat juga sebuah sekolah yang bilangan muridnya agak terlalu sedikit sehingga terpaksa berpindah ke kawasan perumahan baru yang berdekatan dengan bandar Ipoh, iaitu SJK(C) Batang Gajah, Trong, Taiping, selepas memperolehi kebenaran berbuat demikian daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Kehadiran sekolah kurang murid memang merupakan satu kenyataan dalam sistem pendidikan negara ini, baik aliran Sekolah Kebangsaan (SJKT) . Sekolah SKM kebanyakannya wujud di kawasan luar bandar dan pendalaman.

Dengan bilangan murid yang sedikit dan komuniti yang kecil, latar belakang keluarga atau status sosio ekonomi ibu bapa yang kurang berada memang tidak dapat membantu pihak sekolah menyediakan infrastruktur yang serba kekurangan, dan keadaan sekolah yang kurang kondusif, terutamanya bagi sekolah-sekolah bantuan odal seperti kebanyakan SJK(C) dan SJK(T) di kawasan pendalaman dan estet. Ini amat berbeza dengan sekolah-sekolah gred A yang terletak di kawasan bandar ataupun pinggir bandar, di mana infrastruktur dan kelengkapan adalah jauh lebih baik daripada sekolah-sekolah kurang murid. Ini kerana komuniti di bandar adalah lebih jauh besar dan latar belakang keluarga serta status sosio ekonomi memang jauh lebih baik daripada mereka yang berada di luar bandar.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



5 ptbupsi

Dalam tahun 2005, satu kejadian kemalangan berlaku di SJK(C) Kit Wah (K), Kedah di mana seorang guru jatuh dari tingkat satu dan mati kerana lantai loteng yang dimakan anai-anai dipijak oleh guru berkenaan. Perkara ini telah menarik perhatian semua pihak termasuk KPM dan juga Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (JiaoZong). Kejadian ini telah membongkarkan masalah-masalah keusangan infrastruktur dan bangunan sekolah. Bertitik tolak daripada kejadian ini, Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia(JiaoZong) telah menjalankan satu kajian ke atas keadaan infrastruktur dan bangunan di sekolah-sekolah Cina. Kajian ini meliputi sekolah-sekolah Cina di 7 buah negeri iaitu negeri Perlis, Kedah, Perak, Melaka, Johor, Sarawak dan Pahang. Terdapat 243 buah daripada jumlah besar 862 buah sekolah dalam 7 buah negeri ini telah memberi balasan terhadap kajian itu. Data-data masalah infrastruktur dan bangunan dapat dikategorikan kepada 4 jenis seperti dalam jadual



di bawah :



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Jadual 1.2 : Keadaan Infrastruktur dan Banguna Sekolah Cina (SKM dan Bukan SKM) sehingga 31-10-2005

Masalah Infrastruktur dan Bangunan Sekolah	Negeri (Bil. Sekolah)							Jumlah
	Perlis	Kedah	Perak	Melaka	Johor	Pahang	Sarawak	
Masalah Anai-anai	2	18	23	>10	9	12	29	103
Masalah anai-anai, Usang, lama tidak diselenggara, merbahayakan.	3	9	9	5	5	2	23	56
Usang, lama tidak diselenggara, merbahayakan. (Bumbung Bocor, Masalah Pendawaian)	1	9	16	8	9	9	21	73
Masalah-masalah Lain (Infrastruktur dan bangunan sekolah tidak mencukupi)	1	3	2	1	3	1	0	11

Sumber: BPPDP Kementerian Pendidikan , "Kajian Keberkesanan Sekolah Kurang Murid." 1993.

Data di atas menunjukkan jumlah sekolah, baik sekolah gred A dan juga SKM menghadapi masalah keusangan infrastruktur dan bangunan sekolah. Jikalau sekolah gred A juga mempunyai masalah-masalah sebegini, apatah lagi sekolah-sekolah SKM SJK(C) di laur bandar , di mana keupayaan kewangan untuk membiayaai penyelenggaraan sekolah memang terbatas, baik dari sumber kerajaan mahupun sumber bukan kerajaan.

Dari segi kelengkapan pengajaran dan pembelajaran, sebagai contohnya dalam usaha pelaksanaan Program Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di seluruh negara , sekolah gred A dibekalkan dengan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



7

ptbupsi

komputer riba, projector LCD, skrin dan alin-lain lagi peralatan ICT yang canggih dengan jumlah yang mencukupi. Bagi sekolah-sekolah kurang murid pula, sekolah dibekalkan dengan sebauh pemain VCD dan sebuah televisyen bersaiz 29 inci sebagai alat P&P PPSMI. Fenomena ini akan mewujudkan perbezaan digital di antara murid-murid sekolah gred A dengan sekolah kurang murid dan keberkesanan P&P di SKM juga akan terjejas. Keadaan ini akan melebarkan lagi jurang perbezaan pencapaian pendidikan antara kawasan bandar dengan luar bandar. Ini mungkin akan membantutkan usaha KPM untuk mengecilkan jurang pendidikan di kedua-dua kawasan tersebut. Berdasarkan amalam peruntukan bantuan per kapital KPM, sekolah-sekolah SKM yang mempunyai enrolmen yang kecil, maka peruntukan bantuan per kapital turut berkurangan berbanding dengan sekolah berenrolmen tinggi (merujuk jadual di bawah). Ini memang menyebabkan pihak sekolah tidak berupaya menyediakan alat bantuan mengajar yang mencukupi



05-4506832



dan yang terkini untuk kegunaan P&P.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Jadual 1.3 : Kadar Bantuan Per Kapital

Bil.	JENIS BANTUAN	100 MRD DAN KE BAWAH	101-500 MURID	501-1000 MURID	1001 MURID DAN KE ATAS
A	PCG MATA PELAJARAN				
1			RM1,200	RM1,200+RM10.00 seorang murid melebihi 100 orang	RM5,600+RM10.00 seorang murid melebihi 500 orang
2			RM2,400	RM2,400+RM23.00 seorang murid melebihi 100 orang	RM11,600+RM22.00 seorang murid melebihi 500 orang
3			RM2.00 seorang murid setahun		
B	PCG BUKAN MATA PELAJARAN				
1			RM1,500	RM1,500+RM14.00 seorang murid melebihi 100 orang	RM7,100+RM13.00 seorang murid melebihi 500 orang
2			RM500	RM500+RM4.50 seorang murid melebihi 100 orang	RM2,300+RM4.00 seorang murid melebihi 500 orang
3			RM3,000	RM3,000+RM29.00 seorang murid melebihi 100 orang	RM14,600+RM28.00 seorang murid melebihi 500 orang

Sumber: Surat KP 1573/17/Jld.17(3) bertarikh 23 Disember 2005 mengenai Kadar Baru Peruntukan Bantuan Per Kapita (PCG) Bagi Sekolah Kurang Murid (SKM) Tahun 2006.

Menurut berita yang disiarkan dalam surat khabar Nanyang XiangBao bertarikh 23 hb. Feb 2007 dalam muka surat A9, Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa mulai Januari tahun ini, peruntukan kewangan untuk SKM akan bertambah sebanyak 32% hingga 96%, iaitu antara RM3,200 hingga RM17,200 mengikut jumlah bilangan murid sesebuah sekolah kurang murid itu dan





peruntukan ini akan diberi kepada pihak sekolah berdasarkan 4 kategori. Peruntukan ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi P&P, aktiviti-aktiviti sekolah, dan infrastruktur serta kelengkapan sekolah. Perubahan ini menunjukkan bahawa KPM sedar akan masalah-masalah dan kekangan-kekangan yang sedang dihadapi oleh sekolah-sekolah SKM di seluruh Malaysia. Jadual berikut menunjukkan maklumat yang berkenaan:

Jadual 1.4 : Kadar Peruntukan Baru (2007) Untuk SKM

Peruntukan SKM mengikut 4 Kategori			
Bilangan Murid	Peruntukan Sekarang	Peruntukan Baru	Penambahan(%) (RM)
>20 orang	RM9,840	RM13,400	32.5% (RM3,200)
50 orang	RM11,700	RM17,100	46.2% (RM5,400)
100 orang	RM14,800	RM24,000	66.2% (RM9,800)
150 orang	RM17,900	RM35,100	96.1% (RM17,200)

Sumber: Nanyang Siang Pau, (2007), Laporan Khas Bantuan Kewangan Sekolah Kurang Murid (23hb Feb. 2007) m.s.A9.

Didapati juga nisbah murid-guru di SKM adalah lebih rendah jika dibandingkan di sekolah yang berenrolmen lebih tinggi. Dengan mengambil contoh yang sama iaitu berenrolmen 601-900, didapati nisbah murid-guru di SKM ialah 11.2 hingga 11.4 jika dibandingkan dengan 22.1 hingga 23.5 di sekolah berenrolmen 601-900 murid. Perbandingan nisbah murid-guru dengan saiz sekolah yang berlainan ditunjukkan di jadual 3 berikut:





Jadual 1.5 : Perbandingan Nisbah Murid- Guru

Saiz sekolah	SK/SRK	SJKC	SJKT
1-150	11.4	11.4	11.2
151-300	16.4	16.6	15.9
301-600	19.3	20.8	20.2
601-900	22.1	23.5	22.3
901-1200	23.0	35.9	24.0
1201-1500	24.0	36.4	
>1500	25.5	30.1	

Sumber : Cost analysis In The Malaysian Education System , EPRD in collaboration with Havard University , Dis 1996.

Jadual 1.6 : Bilangan Kelas Dan Perjawatan Guru Bagi SKM

Bilangan Murid SKM	Kelayakan Guru Matapelajaran	Bil. Kelas Sebenar
Guru Besar Gred DG32	+ 1 (Luar Norma)	-
20-45 orang murid	4	-
46-70 orang murid	5	-
71-95 orang murid	n+1	4 5 6
96-120 orang murid	n+3	4 5 6
121-149 orang murid	n+5	4 5 6

Sumber:Surat Pekeliling Kementerian Pelajaran Malaysia KP(PP)0050





Jadual 1.7 : Perjawatan Guru Bagi SKM Bilangan Murid Kurang Daripada 20 Orang

Bilangan Murid	Bilangan Guru Berhak	Catatan
> 10 orang	2 orang	Termasuk Guru Besar
11-19 orang	3 orang	Termasuk Guru Besar

Sumber: Surat Pekeliling Kementerian Pelajaran Malaysia KP(PP)0050

Nisbah murid-guru di SKM adalah lebih rendah berbanding dengan sekolah berenrolmen 601-900 murid, ini disebabkan bilangan murid yang terlalu kecil di SKM, akan tetapi beban tugas guru adalah jauh lebih berat daripada guru-guru di sekolah yang bukan SKM. Ini adalah disebabkan struktur dan sistem pengurusan sekolah adalah sama, tambahan pula perjawatan guru di SKM jauh lebih kurang daripada sekolah yang berenrolmen tinggi. Bagi SKM, kebanyakan kelas merupakan kelas bercantum, ini bermakna dalam sesuatu kelas, murid-muridnya terdiri lebih daripada satu darjah, ini bukan sahaja memberi tekanan emosi dan mental, malahan merumitkan proses P&P. Dengan bilangan guru yang terhad, setiap guru terpaksa memegang jawatan dalam beberapa panitia mata pelajaran. Kerja-kerja perekodan dan pelaporan murid-murid terpaksa dibuat atau disalin berulang kali kerana kekurangan kelengkapan computer atau peralatan ICT.

Dari segi prestasi murid di SKM pula, secara umum, pencapaian UPSR bagi murid di SKM adalah rendah. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan, didapati dalam UPSR 1992, peratusan murid di SKM yang mencapai lima A adalah terlalu kecil. Data yang terperinci ditunjukkan di Jadual 1.6.





Jadual 1.8 : Pencapaian UPSR 1992 di SKM

Bil A yang diperolehi	SK	SJKC	SJKT
1A	16.6	21.88	4.29
2A	9.07	20.83	2.86
3A	4.53	4.17	0
4A	3.02	6.25	0
5A	0	1.04	0
6A		0	0
7A		0	0

Sumber: BPPDP Kementerian Pendidikan , "Kajian Keberkesanan Sekolah Kurang Murid." 1993.

Kebanyakan sekolah kurang murid terletak di luar bandar dan pendalaman seperti yang terdapat di Sabah dan Sarawak. Masalah sistem pengangkutan, tempat tinggal, kemudahan asas komuniti, dan sebagainya adalah berada pada tahap yang tidak menarik para pendidik bermastautin di tempat itu. Oleh itu, ramai antara guru-guru yang selepas menjalani latihan perguruan di maktab perguruan atau institut perguruan ditempatkan di sekolah kurang murid yang terletak jauh dari bandar atau pendalaman tidak akan lama kekal di sekolah itu untuk terus mengajar dengan tempoh yang lebih panjang lagi. Ini menyebabkan kadar pertukaran guru di sekolah kurang murid adalah amat tinggi. Ini menyebabkan guru yang ada di sekolah kurang murid ini amat kurang dari segi pengalaman dan kekurangan rasa komitmen dan semangat kekitaan. Ini akan merumitkan pengurusan sekolah dan juga menggagalkan usaha hendak meningkatkan keberkesanan P&P di sekolah kurang murid ini.





Dalam sistem kenaikan pangkat yang diamalkan oleh KPM kini, Guru Besar bagi sekolah kurang murid biasanya dijawat oleh mereka yang baru dinaikkan pangkat sebagai Guru Besar, yang sebelumnya menjawat jawatan Penolong Kanan Pentadbiran atau Penyelia Petang di sekolah gred A. Biasanya di sekolah gred A (rujuk jadual), bilangan murid adalah banyak, setiap darjah mempunyai kelas biasa, bukan seperti bagi sekolah kurang murid yang kelasnya adalah kelas bercantum iaitu bilangan murid untuk setiap darjah adalah tidak mencukupi untuk mengadakan kelas biasa dan terpaksa bercantum dengan satu darjah yang lain. Keadaan ini amat berbeza antara sekolah gred A dengan sekolah kurang murid. Keadaan ini tentu akan memberi impak budaya kepada Guru Besar dalam aspek pengurusan sekolah dan penyediaan perancangan program akademik sekolah.



Lokasi Sekolah	Gred Sekolah	Jumlah Bilangan Murid
Bandar	A	800 dan ke atas
	B	150 hingga 799
	SKM	149 dan ke bawah
Luar Bandar	A	200 dan ke atas
	B	199 hingga 150
	SKM	149 dan ke bawah

Sumber: Surat Pekeliling Kementerian Pelajaran Malaysia KP(PP)0050

Penolong Kanan-Penolong Kanan(PK) Pentadbiran dan Penyelia Petang di sekolah gred A ini diberi peluang kenaikan pangkat daripada jawatan sekarang ke jawatan Guru Besar, biasanya kekosongan jawatan di SKM ini berada jauh dari tempat tinggal mereka. Mereka harus berulang-alik berpuluhan-puluhan kilometer





jauhnya setiap hari, ada pula terpaksa bermastautin di tempat perkhidmatan barunya kerana sekolah baru itu terlalu jauh dari tempat tinggal meraka, sebagai contohnya, PK-PK dari daerah Kinta dinaikkan pangkat ke Daerah Hulu Perak, iaitu lebih daripada 200km jaraknya. Guru Besar-Guru Besar ini yang baru memegang jawatab Guru Besar adalah kekurangan pengalaman pengurusan sekolah yang mantap akan menghadapi masalah pengurusan SKM dan juga tekanan emosi. Keadaan ini bertambah buruk lagi kalau Guru Besar-Guru Besar ini berkhidmat di SKM bertahun-tahun dan tidak dapat bertukar balik ke tempat asal mereka atau dinaikkan pangkat ke sekolah yang grednya lebih besar kerana prestasi pengurusan di SKM yang kurang memuaskan. Ini telah mendatangkan tekanan emosi dan psikologi kepada Guru Besar-Guru Besar sekolah SKM ini.

Guru Besar-Guru Besar SKM juga menghadapi tekanan semasa membuat sesuatu keputusan pengurusan. Sebelum dinaikkan pangkat ke SKM, mereka sebagai Penolong Kanan (PK) dapat berbincang dengan Guru Besar dan PK-PK yang lain di sekolah gred A semasa mengambil sesuatu keputusan, selepas menjadi Guru Besar SKM, mereka terpaksa membuat keputusan sendiri dan menanggung segala risiko keputusan itu walaupun dapat meminta pandangan daripada rakan-rakan sejawat di sekolah yang memang masih mentah dari segi pengalaman pengurusan sekolah disebabkan kadar pertukaran guru yang tinggi di SKM.

Sekiranya kajian tidak dijalankan untuk mengkaji aspekkekangan emosi dan mental pengurus SKM, prestasi akademik tidak dapat ditingkatkan. Pengurus SKM SJK(C) juga berasa kecewa. Oleh demikian satu kajian tentang kekangan pengurusan sekolah-sekolah SKM di SJK(C) adalah amat diperlukan.



1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini adalah satu usaha untuk menijau faktor-faktor kekangan pengurusan SKM SJK(C) di negeri Perak. Negeri Perak mempunyai 74 buah sekolah kurang murid SJK(C) bertaburan di dalam sembilan daerah, mungkin jumlah sebenar telah meningkat oleh kerana operasi penggredan semula belum dilangsungkan lagi.

Bangunan-bangunan sekolah SJK(C) sudah lama tegak berdiri di kawasan sekolah masing-masing sebelum atau sebaik sahaja selepas zaman Perang Dunia Ke-2. Sebahagian daripada jumlah 189 buah SJK(C) di Negeri Perak telah melalui peringkat pengembangakan dari segi tapak sekolah dan juga bangunan sekolah, termasuk semua kelengkapan dan kemudahan berdasarkan keupayaan kewangan masing-masing, baik dari bantuan kerajaan ataupun sumber sumbangan daripada masyarakat tempatan sekolah masing-masing. Bagi sekolah-sekolah yang berkedudukan di luar bandar, dan komuniti setempat semakin hari semakin kecil dan kurang akan terus menghadapi masalah pembangunan dan pembaharuan sekolah dari segi kelengkapan bangunan dan kemudahan sekolah. Keusangan dan keuzuran bangunan dan kelengkapan di sekolah SKM terus menjadi faktor kekangan mengekal murid sedia ada apalah lagi menarik murid baru ke sekolah. Dengan status sekolah sebagai sekolah bantuan modal, peruntukan kerajaan yang sedia diperuntukkan hanya setakat cukup untuk perbelanjaan pentadbiran harian, sekolah-sekolah SKM memang tidak berupaya untuk menyediakan bangunan sekolah yang lebih kondusif, kelengkapan P&P yang lebih canggih dan selari dengan perkembangan era dunia ICT.



Guru Besar-Guru Besar yang baru dinaikkan pangkat dari PK Pentadbiran dan Penyelia Petang menghadapikekangan pentadbiran dari segi kekurangan pengalaman mengurus sekolah SKM yang serba kekurangan terutamanya dari sumber kewangan untuk menyelenggara kelengkapan sekolah dan pembangunan sekolah. Dengan bilangan murid yang agak kurang dan kekurangan pendedahan murid-murid luar bandar ini, memang menjadi satu kekangan perancangan untuk mengadakan program-program akademik dan aktiviti ko-kurikulum. Masalah demografi juga menjadi salah satu faktor kekangan pengurusan Guru Besar di SKM, di mana Guru Besar-Guru Besar terpaksa berulang-alik dalam jarak yang jauh untuk perkhidmatan setiap hari, ada pula terpaksa meninggalkan rumah tangga dan duduk di sekolah yang memang jauh dari tempat tinggal asal mereka. Faktorfaktor ini mendatangkan kesan negatif terhadap emosi dan psikologi Guru Besar-Guru Besar di SKM SJK(C).



1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tentang kekangan-kekangan pengurusan di sekolah kurang murid SJK(C).

- (1). Mengenalpasti jenis-jenis kekangan fizikal yang di hadapi oleh pengurus SKM SJK(C) di Negeri Perak.
- (2). Mengenalpasti jenis-jenis kekangan tanggungjawab pengurus SKM SJK(C) di Negeri Perak.
- (3). Mengenalpasti kekangan emosi pengurus SKM SJK(C) di Negeri Perak.
- (4). Mengenalpasti kekangan psikologi pengurus SKM SJK(C) di Negeri Perak.





1.4 Persoalan Kajian

- (1) Apakah jenis kekangan fizikal yang dihadapi oleh pengurus SKM SJK(C) di Negeri Perak ?
- (2) Apakah jenis kekangan yang dihadapi oleh pengurus SKM SJK(C) semasa menjalankan tugas ?
- (3) Sejauh manakah pengurus SKM SJK(C) di Negeri Perak menghadapi kekangan emosi dalam pengurusan ?
- (4) Sejauh manakah pengurus SKM SJK(C) di Negeri Perak menghadapi kekangan psikologi dalam pengurusan ?

1.5 Kepentingan Kajian

Maklumat yang lengkap mengenai pengurusan sekolah kurang murid dapat membantu pihak pembuat dasar menentukan kecekapan dan keberkesanan sistem pendidikan Negara. Walau bagaimanapun, maklumat pengurusan SKM yang lengkap dan menyeluruh harus senantiasa dikemaskinikan. Kekurangan maklumat dan ketidak kemaskinian maklumat yang mantap dalam bidang ini akan menyusahkan pembuat dasar membuat perancangan program Kementerian Pelajaran yang berkaitan dengan SKM. Maklumat ini juga dapat menolong pihak pengurus SKM untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesan pengurusan SKM. Kajian ini juga memberi sumbangan kepada ilmu atau teori pengurusan organisasi pendidikan yang kecil, iaitu SKM.





1.6 Batasan Kajian

Kajian yang bakal dijalankan terbatas kepada 74 buah sekolah kurang murid SJK(C) yang terdapat dalam Negeri Perak. Ketepatan data yang dikumpul bergantung kepada keiklasan responen-responen memberi maklumat. Oleh kerana Negeri Perak merupakan sebuah negeri yang besar dan luas kawasannya, jarak dari satu tempat ke satu tempat yang lain memerlukan masa yang panjang, maka penyelidik menghadapi limitasi masa dalam proses pengumpulan data.

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Mengurus

Mengurus bermaksud perihal (kerja dan sebagainya) mengurus sesuatu, perihal mengurus (syarikat, badan perniagaan, dan lain-lain lagi). Mengurus membawa maksud menjaga supaya rapi, mengatur, mengemaskan dan menyusun.

1.7.2 Pengurusan

Pengurusan sebagai satu proses merancang, menganjur, memimpin, dan mengawal aktiviti-aktiviti pekerja-pekerja selaras dengan sumber yang ada untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

1.7.3 Sekolah Kurang Murid

Sekolah Kurang Murid (SKM) adalah satu kategori sekolah yang mempunyai enrolmen 149 orang murid dan ke bawah.





1.7.4 Kekangan Fizikal

Kekangan fizikal merujuk kepada kekurangan infrastruktur dan kelengkapan asas untuk menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.

1.7.5 Kekangan Tanggungjawab

Kekangan tanggungjawab merujuk kepada batasan-batasan yang wujud dalam pengagihan masa menjalankan pengurusan harian sekolah kurang murid.

1.7.6 Kekangan Emosi

Kekangan emosi merujuk kepada keletihan emosi. Keletihan emosi dimaksudkan sebagai kelesuan emosi individu sehingga seseorang individu tidak dapat memberi sumbangannya seperti dahulu. Dalam kajian-kajian tentang kelesuan emosi dengan kelesuan fizikal didapati guru-guru kekurangan motivasi untuk berkhidmat dengan sepenuh hati kerana terlalu letih.

1.7.7 Kekangan Psikologi

Kekangan psikologi merujuk kepada depersonalisasi (Depersonalization) dan pengurangan pencapaian peribadi (Reduced Personal Accomplishment). Depersonalisasi ialah kecenderungan individu melahirkan sikap negatif dan sinis terhadap orang yang berhubung dengannya atau sikap tidak mesra (impersonal). Pengurangan pencapaian peribadi bermaksud kemerosotan perasaan untuk bersaing dan pencapaian kejayaan dalam kerjaya berbanding dengan orang lain.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



20

ptbupsi

1.7.8 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJK(C)) merujuk kepada sekolah rendah yang menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, tujuan kajian ini adalah untuk meninjau kekangan-kekangan yang terdapat dalam mekanisme pengurusan SKM SJK(C) di Negeri Perak.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi